

**Strategi Lautan Biru terpakai kepada semua negara - PM
Astro Awani
Ogos 16, 2016**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Strategi Lautan Biru (BOS) terpakai kepada semua negara tanpa mengira di mana negara itu berada di dalam "rantai makanan".

Beliau berkata Malaysia, yang memulakan strategi itu pada 2009, melahirkan satu revolusi dalaman seperti apa yang dilakukan kerajaan dalam melaksanakan usahanya, dan kini berusaha ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Kami ingin berkongsi dengan rakan-rakan kami di seluruh dunia bahawa ini adalah metodologi yang menarik, strategi yang menarik dan ini adalah cara bergerak ke hadapan apabila anda menyuntik kreativiti inovasi, hasilnya akan menyaksikan lebih banyak kekayaan dan lebih ramai orang berasa gembira," katanya pada sesi Perbincangan Pemimpin yang diadakan sebagai sebahagian daripada Persidangan Antarabangsa mengenai Strategi Lautan Biru (ICBOS) di sini hari ini.

Najib berkata strategi memperkenalkan cara yang berbeza untuk melakukan kerja adalah menyampaikan daripada ortodoks dan konvensional untuk mencapai impak yang tinggi, kos rendah dan pelaksanaan pantas dalam pembangunan negara.

"Dalam Lautan Biru, kami akan memaklumkan mereka (jabatan kerajaan) untuk melihat ke dalam sistem jika terdapat sumber yang belum digunakan sepenuhnya, atau kurang digunakan, malah dengan (projek) gajah putih, lihat jika anda boleh mendapatkan sumber itu," katanya.

Tag: [Datuk Seri Najib Tun Razak](#), [Strategi Lautan Biru](#), [BOS](#), [ICBOS](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/strategi-lautan-biru-terpakai-kepada-semua-negara-pm-114191>